



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Ayu Nor Azilah Mohamad, Zahanim Ahmad & Wayu Nor Asikin Mohamad. (2026). Kelestarian warisan budaya masyarakat majmuk di Malaysia: Cabaran globalisasi dan langkah pemuliharaan. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 353–364. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2026.4.20>

KELESTARIAN WARISAN BUDAYA MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA: CABARAN GLOBALISASI DAN LANGKAH PEMULIHARAAN

*(Cultural Heritage Sustainability in a Multicultural Malaysia:
Navigating Globalization and Preservation Efforts)*

¹Ayu Nor Azilah Mohamad, ²Zahanim Ahmad & ³Wayu Nor Asikin Mohamad

^{1&2}Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor

³Jabatan Pengajian Bahasa dan Umum,
University College Bestari

¹ *Corresponding author: ayunorazilah@uis.edu.my*

Received: 01/02/2026

Revised: 16/04/2026

Accepted: 18/07/2026

Published: 31/07/2026

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang kaya dengan khazanah warisan budaya hasil daripada interaksi sejarah dan proses asimilasi yang berpanjangan antara pelbagai etnik. Kepelbagaian ini bukan sahaja menjadi cerminan identiti negara di mata dunia, malah merupakan aset sosiobudaya yang tidak ternilai harganya. Walau bagaimanapun, arus globalisasi yang membawa perubahan drastik dalam gaya hidup moden kini menjadi cabaran utama yang mengancam kelestarian warisan tersebut, khususnya dalam aspek pakaian tradisional, makanan, adat resam, dan seni persembahan. Pengaruh media sosial dan teknologi komunikasi yang dominan sering kali dilihat meminggirkan amalan tradisi. Ini sekaligus mengurangkan minat generasi muda terhadap akar umbi budaya mereka. Kajian ini dijalankan menggunakan metodologi kajian kepustakaan secara sistematik dan analisis kandungan untuk menganalisis tahap hakisan warisan budaya serta ancaman kepupusan yang dihadapi oleh masyarakat di

Malaysia. Analisis menunjukkan bahawa globalisasi, urbanisasi dan dominasi media digital merupakan tiga faktor utama yang mempercepatkan hakisan warisan budaya masyarakat majmuk di Malaysia. Fenomena ini dilihat semakin meruncing melalui pengabaian amalan tradisi yang kini sering dianggap lapuk atau tidak lagi relevan dalam konteks kehidupan moden. Jika tidak dibendung, trend ini berisiko melenyapkan identiti unik sesuatu kaum dan melemahkan ikatan perpaduan nasional. Hasil kajian ini menegaskan keperluan mendesak bagi tindakan kolektif antara pihak kerajaan, institusi pendidikan, komuniti, dan individu dalam memelihara warisan sebagai simbol identiti dan maruah bangsa. Kajian ini menyimpulkan bahawa pemuliharaan warisan budaya adalah satu kemestian bagi menjamin kesinambungan nilai sejarah masa lalu untuk tatapan serta penghayatan generasi masa hadapan agar ia tidak terus hilang ditelan zaman.

Kata kunci: Kelestarian budaya, masyarakat majmuk, globalisasi, hakisan budaya, identiti nasional.

ABSTRACT

Malaysia is a multicultural nation enriched by diverse cultural heritage shaped through historical interactions and long-standing assimilation among various ethnic groups. This heritage serves as a vital representation of national identity and an invaluable sociocultural asset. However, globalization has introduced rapid transformations in modern lifestyles, posing significant challenges to the sustainability of cultural heritage, particularly in traditional attire, cuisine, customs, and performing arts. The widespread influence of social media and digital communication has further marginalized traditional practices, reducing younger generations' engagement with their cultural roots. This study adopts a systematic literature review and content analysis to examine the extent of cultural heritage erosion and the threats of its potential decline in Malaysia. The findings reveal that globalization, urbanization, and digital media dominance are the primary factors accelerating cultural erosion. Traditional practices are increasingly perceived as outdated and irrelevant, contributing to their gradual abandonment. If left unaddressed, this trend may erode ethnic identities and weaken national unity. Therefore, this study highlights the urgent need for coordinated efforts among government bodies, educational institutions, communities, and individuals to safeguard cultural heritage. Preserving this heritage is essential to ensure the continuity of historical values and to enable future generations to appreciate and sustain Malaysia's rich cultural legacy.

Keywords: Cultural sustainability, multicultural society, globalization, cultural erosion, national identity.

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal pada peringkat global sebagai sebuah model masyarakat majmuk yang unik, dicirikan oleh khazanah seni, warisan, dan budaya yang rencam. Latar belakang sejarah yang melibatkan interaksi perdagangan antarabangsa, migrasi, dan proses asimilasi telah melahirkan landskap sosiobudaya yang dinamik. Kepelbagaian kumpulan etnik yang bernaung di bawah satu bumbung negara ini bukan sahaja kaya dengan nilai-nilai murni, malah setiap satunya mempunyai adat, tradisi, dan ekspresi hidup tersendiri yang diperturunkan sejak zaman-berzaman. Sosiologi kontemporari membuktikan bahawa tahap ketamadunan sesuatu bangsa selalunya dapat diukur melalui manifestasi

warisan seni budayanya. Oleh yang demikian, pemeliharaan dan pemuliharaan elemen kebudayaan ini bersifat kritikal kerana ia berfungsi sebagai jati diri dan identiti unik bagi sesuatu masyarakat.

Dalam konteks integrasi nasional, budaya tradisional yang mencakupi amalan, ritual, dan cara hidup pelbagai etnik di Malaysia melambangkan asas kekuatan struktur masyarakat majmuk. Nilai-nilai murni yang terkandung dalam amalan tradisi seperti budaya kunjung-mengunjungi dan konsep rumah terbuka sewaktu musim perayaan terbukti mampu merentas batasan teologi dan keturunan. Dapatan ini menunjukkan bahawa amalan tersebut berfungsi sebagai mekanisme integrasi sosial yang efektif dalam memupuk perpaduan nasional. Pengekalan kebudayaan merentas generasi ini membolehkan masyarakat menelusuri asal-usul sejarah, mengukuhkan kestabilan psikosial, dan membina daya tahan budaya agar tidak mudah terhakis dalam gelombang globalisasi. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Fatin Rozaini (2019), usaha memelihara seni, budaya, dan warisan perlu digerakkan secara konsisten agar khazanah ini tidak terus lenyap dibawa arus kemodenan yang agresif.

Secara konseptual, warisan budaya sesebuah masyarakat bersifat holistik yang merangkumi aspek material dan bukan material seperti bahasa, makanan, pakaian, sistem kepercayaan, dan seni persembahan. Mengulas mengenai perkara ini, United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO, 2003) menerusi *Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage* menggariskan bahawa warisan budaya tidak sekadar merujuk kepada monumen fizikal atau koleksi artifak sejarah, malah turut mencakupi tradisi oral dan ekspresi hidup yang diwarisi daripada nenek moyang. Di Malaysia, kerencaman ini dapat dilihat dengan jelas melalui keunikan budaya setiap kaum yang terus berubah dan bersifat dinamik mengikut keperluan serta konteks peredaran zaman. Walau bagaimanapun, kepantasan arus pemodenan dan transformasi digital pada abad ke-21 ini sering kali menuntut pengorbanan nilai-nilai tradisi. Proses globalisasi yang agresif dengan disokong oleh dominasi media sosial telah mula menimbulkan kebimbangan besar terhadap kelangsungan elemen kebudayaan tempatan. Analisis ini disokong oleh data empirikal daripada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) menerusi Indeks Belia Malaysia, yang mendedahkan bahawa skor bagi domain identiti dan penghayatan warisan budaya mencatatkan trend penurunan, di mana purata keterlibatan aktif golongan belia dalam aktiviti kebudayaan rasmi dan berpersatuan hanya berada di sekitar 30 peratus hingga 35 peratus sahaja. Dapatan ini secara langsung membuktikan adanya kecenderungan amalan tradisi yang kian terpinggir daripada jati diri kelompok masyarakat, khususnya dalam kalangan generasi muda urban.

Satu penilaian akademik diperlukan apabila menyedari hakikat bahawa kepunahan warisan budaya akan membawa kepada krisis identiti nasional dan kerapuhan perpaduan. Justeru, artikel ini ditulis bagi mencapai tiga objektif utama:

1. Mengetahui tahap hakisan warisan budaya dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia.
2. Menganalisis faktor-faktor globalisasi dan kemodenan yang menyumbang kepada ancaman kepupusan warisan tradisi.
3. Mencadangkan langkah-langkah strategik yang proaktif bagi memelihara warisan budaya sebagai simbol identiti dan maruah bangsa.

Walaupun banyak kajian membincangkan warisan budaya secara berasingan mengikut etnik tertentu, kajian yang meneliti cabaran kelestarian warisan masyarakat majmuk secara menyeluruh masih terhad. Untuk itu, artikel ini membincangkan isu kelestarian warisan budaya Masyarakat majmuk di Malaysia yang relevan dalam konteks globalisasi dan pembangunan negara. Akan tetapi, artikel ini berbeza dengan kajian terdahulu yang hanya memfokuskan kepada satu aspek warisan budaya. Artikel ini

mengintegrasikan isu pakaian tradisional, makanan, permainan, adat resam dan dasar pemuliharaan bagi menghasilkan satu kerangka holistik mengenai kelestarian warisan Masyarakat majmuk di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kepustakaan secara sistematik. Kaedah ini dipilih bagi membolehkan pengkaji meneroka, menganalisis, dan mensintesis literatur sedia ada berkaitan dinamika kebudayaan secara mendalam. Sumber data yang digunakan adalah data sekunder yang merangkumi jurnal akademik berwasit, prosiding persidangan, buku, laporan tahunan, serta dokumen rasmi agensi kerajaan yang berkaitan dengan kelestarian warisan budaya di Malaysia.

Bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan data, proses pencarian literatur dilakukan secara bersasar menerusi pangkalan data utama seperti Google Scholar, MyJurnal, Scopus, dan Web of Science bagi penerbitan antara tahun 2015 hingga 2025. Kata kunci yang digunakan dalam proses carian termasuklah "hakisan budaya", "warisan tradisional Malaysia", "globalisasi dan budaya", dan "kelestarian warisan". Melalui fasa pencarian awal ini, sebanyak 42 artikel dan dokumen berkaitan telah dikenal pasti. Seterusnya, proses penapisan dilakukan berasaskan kriteria inklusi dan eksklusi yang ketat, di mana hanya 25 artikel yang benar-benar memenuhi objektif kajian sahaja dipilih untuk analisis akhir.

Proses analisis data dilakukan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kesemua maklumat daripada sumber kepustakaan yang terpilih tersebut disaring, dikodkan, dan disintesis secara kritikal untuk menjawab objektif kajian, iaitu melibatkan tahap hakisan budaya, faktor globalisasi, dan langkah strategik pemeliharaan. Melalui pendekatan konseptual ini, pengkaji dapat merumuskan dapatan kajian secara objektif dan komprehensif bagi memberikan perspektif teori yang kukuh mengenai ancaman hakisan budaya dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan kajian lepas ini membincangkan tinjauan karya akademik terdahulu yang berkaitan dengan hakisan warisan budaya, impak media sosial terhadap generasi muda, serta implikasinya kepada keaslian identiti kaum dan perpaduan nasional di Malaysia. Wacana akademik di Malaysia kerap mengetengahkan bagaimana kemodenan mengubah orientasi masyarakat terhadap warisan tidak ketara. Bagi memahami fenomena ini, teori *Cultural Globalization* yang dikemukakan oleh Roland Robertson (1992) boleh digunakan untuk menjelaskan bagaimana interaksi antara budaya global dan lokal melahirkan glokalisasi, di mana ekspresi budaya tempatan sering kali diubah suai atau diketepikan demi memenuhi piawaian global.

Kajian dalam Jurnal Pengajian Melayu oleh Haziyah et al. (2009) yang mengupas faktor kontemporari tentang busana tradisi menunjukkan bahawa biarpun pakaian tradisional mengekalkan nilai estetika dan identiti tempatan, arus pemodenan mencabar kelestariannya apabila generasi muda melihatnya sebagai pakaian adat semata-mata yang kurang praktikal untuk gaya hidup harian, lalu digantikan dengan aliran fesyen hibrid Barat. Seterusnya, proses difusi budaya akibat globalisasi menyebabkan makanan tradisional dan seni persembahan tempatan seperti silat, teater tradisional, atau tarian kaum mengalami hakisan keaslian akibat dikomersialkan demi pasaran harian atau diketepikan langsung. Sesuatu amalan tradisi mula dianggap lapuk kerana tidak lagi memenuhi cita rasa kontemporari masyarakat bandar yang pantas berubah (Ahmad et al., 2021). Analisis terhadap kedua-dua kajian ini membuktikan bahawa perubahan

budaya bukan sahaja berpunca daripada asakan luaran globalisasi, malah didorong secara dalaman oleh pergeseran gaya hidup dan pragmatisme masyarakat kontemporari.

Dominasi media sosial membentuk landskap baharu yang berpotensi meminggirkan akar umbi budaya dalam kalangan belia. Penyelidikan sosiologi oleh tokoh seperti Shamsul Amri Baharuddin (Kajian JPNIN, 2026) menegaskan bahawa kemunculan platform media sosial dan komuniti dalam talian membawa budaya popular global yang mampu melunturkan semangat menghargai warisan tempatan dalam kalangan belia. Budaya digital ini mewujudkan jurang emosi dan pengetahuan dengan generasi muda lebih terdedah kepada pengaruh gaya hidup luar berbanding mengenali keunikan adat resam sendiri. Kajian rintis ke atas mahasiswa (Yusof & Hanafiah, 2015) turut membuktikan bahawa media baharu cenderung memberikan cabaran besar terhadap sistem nilai tradisi tempatan jika tidak diimbangi dengan kesedaran kebudayaan. Tanpa literasi budaya digital yang baik mendorong teknologi komunikasi yang dominan dilihat bertindak mempercepatkan asimilasi budaya asing yang menenggelamkan minat terhadap sastera, bahasa, dan seni persembahan warisan.

Hasil tinjauan terhadap kajian Shamsul Amri Baharuddin (2026) dan Yusof & Hanafiah (2015) menunjukkan persamaan yang nyata di mana kedua-dua sarjana bersetuju bahawa lambakan media baharu dan platform digital bertindak sebagai pemangkin utama yang mencairkan nilai tradisi. Kedua-dua kajian ini sependapat bahawa ketiadaan benteng kesedaran dan literasi budaya digital yang kukuh menyebabkan generasi muda lebih mudah menghanyutkan diri dengan pengaruh budaya popular luar.

Walau bagaimanapun, analisis ke atas kedua-dua kajian ini mendedahkan satu jurang penyelidikan yang penting untuk diterokai. Shamsul Amri (2026) dan Yusof & Hanafiah (2015) dilihat lebih banyak menumpukan perhatian kepada implikasi negatif teknologi digital sebagai 'punca rosaknya' jati diri remaja, namun kedua-duanya kurang memberikan penekanan tentang bagaimana platform media sosial yang sama boleh dieksploitasi secara positif sebagai medium interaktif untuk memulihara keaslian warisan. Selain itu, terdapat jurang dari segi strategi praktikal untuk membina literasi budaya digital yang disebutkan oleh Yusof & Hanafiah (2015) agar belia tidak sekadar menjadi pengguna pasif budaya asing, sebaliknya menjadi ejen penyebar warisan tempatan di alam maya. Kekosongan literatur tempatan ini selaras dengan trend wacana antarabangsa mutakhir seperti yang diketengahkan oleh Skublewska-Paszkowska et al. (2022), yang mula membincangkan keperluan metodologi digital secara sistematik bagi memelihara elemen warisan tidak ketara daripada ancaman kepupusan pada era pascamoden.

Bagi menangani isu ini, Nor Zalina & Sri Yanti (2021) mengemukakan pendekatan yang berfokuskan kepada solusi melalui integrasi subjek warisan dalam kurikulum pendidikan serta penggunaan teknologi interaktif seperti realiti terimbuh (AR). Walau bagaimanapun, perbandingan antara pandangan Lim et al. (2021) dan Nor Zalina & Sri Yanti (2021) sekali lagi mendedahkan jurang penyelidikan dari segi penyelarasan praktikal. Meskipun cadangan pendigitalan dan AR (Nor Zalina & Sri Yanti, 2021) menarik dan wujud jurang dalam literatur tentang bagaimana teknologi interaktif tersebut boleh direka bentuk untuk merangsang interaksi silang budaya (Lim et al., 2021) yang inklusif serta bukannya sekadar menjadi arkib digital yang statik. Selain itu, kajian lepas masih kurang membincangkan model kerjasama yang dinamik antara agensi kerajaan, institusi pendidikan, dan komuniti setempat untuk memastikan teknologi pemuliharaan ini benar-benar memberi impak kepada perpaduan nasional dalam jangka masa panjang.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian kepustakaan secara analitikal berdasarkan tiga objektif utama yang telah digariskan. Hasil analisis kandungan menunjukkan bahawa warisan budaya masyarakat majmuk di Malaysia sedang berhadapan dengan fasa transformasi yang agresif dan yang membawa kepada implikasi hakisan nilai serta ancaman kepupusan identiti.

Analisis literatur mendapati bahawa tahap hakisan warisan budaya di Malaysia tidak berlaku secara serentak, sebaliknya secara berperingkat mengikut domain kebudayaan tertentu. Berdasarkan kerangka sosiologi kebudayaan Ibrahim Chalid (2008), hakisan ini melibatkan kemerosotan artifak fizikal dan juga pencairan sistem nilai, antaranya ialah;

a) Warisan Pakaian Tradisional dan Komersialisasi Fesyen

Dalam domain pakaian, hakisan budaya berlaku melalui proses akulturasi dan pengubahsuaian kontemporari yang ekstrem atas nama "trend" atau komersialisasi. Kajian oleh Shaliza et al. (2015) terhadap busana pengantin Melayu mendedahkan bahawa walaupun material tradisional seperti kain songket dikekalkan, suntikan elemen Barat seperti pemakaian *veil* (layah), korset, dan tiara telah mengubah estetika serta keaslian busana asal. Situasi ini membuktikan bahawa komersialisasi fesyen bukan sekadar evolusi gaya, malah menggambarkan berlakunya pencairan identiti di mana nilai falsafah dan naratif tradisi digadaikan demi memenuhi selera pasaran popular. Implikasinya, apabila pakaian tradisional tidak lagi dilihat sebagai simbol pembentukan jati diri kaum tetapi sekadar komoditi visual yang dangkal, proses pewarisan makna budaya kepada generasi muda akan terputus, sekali gus melenyapkan fungsi pakaian sebagai artifak sejarah yang hidup.

b) Hakisan Sajian dan Kuih-Muih Tradisional

Sajian tradisi seperti kuih seri muka, bahu, kuih bulan, vadai, dan maruku merupakan penanda identiti masyarakat majmuk Malaysia yang paling ketara (Aniza, 2019). Walau bagaimanapun, domain ini mengalami hakisan yang meruncing dalam kalangan generasi muda urban akibat perubahan selera global dan kepupusan rantai ilmu pembuatan (Mudianan, 2021). Golongan muda kini lebih cenderung memilih pastri moden Barat yang dianggap berstatus tinggi, selain proses pembuatan tradisional yang rumit mula ditinggalkan demi kemudahan teknologi moden. Situasi ini menunjukkan bahawa peralihan selera dan modenisasi kulinari bukan sekadar perubahan menu harian, malah menggambarkan berlakunya penjajahan budaya pemakanan yang menghakis apresiasi terhadap warisan sendiri. Implikasinya, apabila proses pembuatan tradisional yang sarat dengan nilai ketelitian dan kesabaran digantikan sepenuhnya oleh pengeluaran mekanikal yang bersifat komersial, makanan tradisi kehilangan jiwa dan naratif sejarahnya. Fenomena ini bukan sahaja memutuskan rantai ilmu gastronomi warisan, malah melemahkan fungsi makanan sebagai ejen penyatuan sosial dan jambatan budaya antara generasi di Malaysia.

c) Kemerosotan Permainan Tradisional dan Seni Persembahan

Seni persembahan dan permainan tradisional menerima ancaman kepupusan yang paling kritikal dalam era digital. Khazanah seperti gasing, congkak, konda-kondi, serta seni persembahan warisan seperti Mak Yong, Kuda Kepang, Zapin, dan Awang Batil dianggarkan mempunyai jangka hayat yang singkat sekiranya tiada pelapis baharu (Harriith, 2022). Terdapat jurang generasi yang besar

kerana dua isu utama iaitu, pertama tentang kehilangan adiguru. Tokoh-tokoh penggiat seni terdahulu meninggal dunia tanpa sempat mewariskan legasi keilmuan mereka kepada generasi muda. Faktor kedua ialah kekangan birokrasi. Kaedah konvensional dan kekangan birokrasi dalam institusi kesenian menyukarkan proses penurunan ilmu secara organik kepada komuniti (Harrith, 2022). Situasi ini menunjukkan bahawa kehilangan permainan tradisional bukan sekadar melibatkan perubahan bentuk hiburan, malah menggambarkan berlakunya terputusnya proses pewarisan budaya antara generasi.

d) Adat Resam dan Sistem Nilai Kepatuhan

Hakisan yang paling membimbangkan adalah pada dimensi abstrak, iaitu sistem nilai dan adat resam masyarakat. Berdasarkan analisis Alwi (1962), masyarakat tradisi khususnya orang Melayu yang dahulunya terikat ketat dengan kod etika menghormati orang tua yang dicerminkan melalui adab berpakaian, cara duduk, dan kesantunan bahasa tubuh. Walau bagaimanapun, proses urbanisasi dan pengaruh individualistik Barat telah mencairkan nilai kesetiaan serta kepatuhan ini dalam acuan masyarakat bandar moden. Fenomena ini membuktikan bahawa kerapuhan adat resam bukan sekadar isu kemerosotan tingkah laku individu, malah menandakan runtuhnya institusi kawalan sosial tidak formal yang selama ini menjadi benteng kestabilan komuniti. Implikasinya, apabila nilai kepatuhan dan penghormatan hierarki keluarga dianggap using menyebabkan struktur masyarakat akan beralih daripada berorientasikan komuniti kepada mementingkan diri sendiri. Impak jangka panjangnya, kehilangan kompas moral ini bukan sahaja merapuhkan jati diri bangsa, malah melahirkan generasi atomistik iaitu kelompok masyarakat yang terasing daripada akar budaya sendiri dan hilang daya tahan dalam mendepani cabaran sosial moden.

Faktor-Faktor Globalisasi dan Kemodenan yang Menyumbang kepada Ancaman Kepupusan Warisan Tradisi

Analisis terhadap dinamika kontemporari menunjukkan bahawa ancaman kepupusan warisan tradisi dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia tidak berlaku secara terpencil, sebaliknya didorong secara agresif oleh arus globalisasi dan proses kemodenan yang pesat. Fenomena ini menepati konsep *Cultural Globalization* oleh Roland Robertson (1992), di mana asimilasi budaya luar dan transformasi struktur sosial melahirkan proses glokalisasi yang mengubah suai ekosistem tempatan lalu meminggirkan amalan tradisi menerusi faktor-faktor berikut:

a) Dominasi Budaya Popular dan Imperialisme Budaya

Globalisasi telah mempercepatkan proses imperialisme budaya. Nilai, estetika, dan gaya hidup global mendominasi ruang budaya tempatan sehingga membentuk semula persepsi generasi muda terhadap warisan sendiri. Menurut kajian oleh Samsudin A. Rahim (2007) mengenai pengaruh media global menjelaskan bahawa banjiriran kandungan media massa antarabangsa secara tanpa sempadan telah mengubah orientasi nilai dan budaya belia di Malaysia. Amalan tradisi seperti seni persembahan atau pakaian tradisional mula dilabel sebagai kuno dan tidak relevan dengan identiti kontemporari. Akibatnya, standard hiburan dan gaya hidup masyarakat majmuk kini berkiblatkan acuan global, sekali gus menenggelamkan keunikan warisan lokal.

b) Hegemoni Teknologi Digital dan Peralihan ke Ruang Maya

Kemodenan yang berpaksikan revolusi digital secara radikal telah mengubah landskap interaksi sosial dan pengisian masa lapang masyarakat. Kepesatan teknologi maklumat, permainan video dalam talian, dan aplikasi media sosial telah mencipta satu bentuk hiburan baharu yang bersifat individualistik. Sebagaimana yang dibincangkan oleh Zuliskandar Ramli (2012) menghuraikan transformasi teknologi moden ini menjadi cabaran besar kepada kelangsungan warisan kerana berupaya meminggirkan aktiviti kebudayaan fizikal seperti permainan tradisional dan seni pertunjukan rakyat. Apabila ruang maya mengambil alih ruang sosial fizikal, rantaian sosialisasi budaya secara amali antara generasi terputus menyebabkan permainan dan seni tradisi kehilangan fungsinya sebagai alat penyatuan komuniti.

c) **Proses Urbanisasi dan Pencairan Struktur Komuniti Tradisional**

Proses urbanisasi yang pesat demi memenuhi tuntutan pembangunan ekonomi moden telah mendorong ketirisan benteng budaya. Migrasi besar-besaran penduduk ke kawasan bandar demi mencari peluang pekerjaan telah memecahkan struktur komuniti tradisional yang dahulunya berfungsi sebagai penjaga adat resam. Kajian sosiologi oleh Abdul Rahman Embong (2002) mengenai transformasi sosial dan kemodenan di Malaysia menekankan bahawa proses pembandaran mewujudkan masyarakat kota yang kosmopolitan dan bercirikan individualistik. Pada persekitaran ini, amalan kolektif, upacara adat yang panjang, dan kepatuhan kepada kod etika tempatan sukar untuk dipertahankan akibat kekangan masa dan tuntutan gaya hidup moden.

d) **Komersialisasi Radikal dan Komodifikasi Warisan**

Di bawah sistem ekonomi moden, warisan budaya sering kali mengalami proses komodifikasi iaitu ditukarkan menjadi komoditi perdagangan demi keuntungan industri pelancongan. Berdasarkan analisis oleh Ismail Ali (2010) menunjukkan bahawa walaupun aktiviti komersialisasi dilihat mampu mempromosikan budaya, namun sering kali mengorbankan keaslian, falsafah, dan ritual sakral yang tersirat di sebalik sesuatu warisan. Seni persembahan tradisional atau pembuatan produk warisan sering dipendekkan atau diubah suai secara drastik demi memenuhi selera komersial pengeluaran massa. Lama-kelamaan, nilai intrinsik dan jiwa asal warisan tersebut lenyap dengan meninggalkan hanya rupa luaran yang kosong tanpa makna rohaniah.

Langkah-Langkah Strategik yang Proaktif bagi Memelihara Warisan Budaya sebagai Simbol Identiti dan Maruah Bangsa

Bagi mendepani arus globalisasi yang mencairkan keaslian budaya, satu pelan tindakan yang holistik dan dinamik amat diperlukan. Usaha mempertahankan warisan masyarakat majmuk di Malaysia tidak boleh lagi bergantung kepada kaedah konvensional, sebaliknya memerlukan intervensi strategik yang melibatkan sinergi pelbagai pihak.

a) **Pemugaran Pendidikan Warisan Melalui Kurikulum Terarah.**

Sistem pendidikan formal merupakan saluran paling efektif untuk menyemai semula kecintaan terhadap warisan budaya sejak peringkat awal. Menurut Siti Zainon Ismail (2009), pemeliharaan budaya tidak akan berjaya sekiranya generasi muda tidak memahami falsafah dan nilai estetika di sebalik sesuatu khazanah tradisi. Oleh itu, kurikulum sekolah perlu menyerap elemen warisan secara praktikal dan bukan sekadar teori dalam buku teks. Sebagai contoh, pengenalan semula permainan tradisional dalam aktiviti kokurikulum serta pendedahan kepada seni tekstil dan kraf

tangan tempatan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual mampu menghidupkan kembali penghargaan terhadap identiti nasional.

b) Pendigitalan Warisan dan Pendekatan Media Baharu.

Bagi menarik minat generasi Z dan alfa, kaedah pemeliharaan warisan perlu diadaptasikan mengikut trend teknologi semasa. Khazanah tradisi yang kian pupus mesti didokumentasikan dalam bentuk digital untuk memastikan jangka hayat yang lebih panjang. Kajian oleh Mohd Kipli Abdul Rahman (2014) mencadangkan agar seni persembahan yang hampir pupus seperti Mak Yong atau Awang Batil dirakam, diarkibkan dan disebarluaskan melalui platform media sosial serta aplikasi interaktif. Langkah mendigitalisasikan kandungan ini bukan sahaja menyelamatkan ilmu daripada hilang bersama kematian adiguru, malah menjadikan warisan budaya lebih mudah diakses oleh masyarakat urban secara global.

c) Pemerkasaan Skim Perantisan dan Kebajikan Adiguru.

Antara punca utama kepupusan warisan ialah terputusnya rantaian penyampaian ilmu akibat ketiadaan generasi pelapis. Menyedari hakikat ini, insentif khusus perlu diberikan kepada tokoh-tokoh kraf dan seni tradisi (adiguru) untuk melatih perantis baharu. Sebagaimana yang ditekankan dalam analisis Zainal Kling (2006) iaitu institusi kebudayaan negara harus mewujudkan dana khas dan skim perantisan yang sistematik pada peringkat komuniti. Tokoh seni perlu diberi pengiktirafan material dan sosial yang sewajarnya supaya kepakaran dapat diturunkan secara organik kepada anak muda. Ini sekali gus menjamin kelangsungan seni tersebut sebagai kerjaya yang dihormati.

d) Penggubalan Dasar dan Penguatkuasaan Undang-Undang Perlindungan Budaya.

Sokongan perundangan dan dasar yang tegas daripada pihak kerajaan menjadi mekanisme kawalan utama dalam memelihara identiti nasional melalui warisan. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) perlu dikuatkuasakan dengan lebih agresif bagi mewartakan tapak, artifak, dan warisan tidak ketara yang berharga. Mengikut pandangan A. Aziz Deraman (2010), Dasar Kebudayaan Kebangsaan harus sentiasa disemak semula bagi memastikan pembangunan fizikal atau agenda pelancongan tidak mengorbankan nilai sakral dan ketulenan budaya lokal. Penguatkuasaan yang ketat dapat menghalang manipulasi dan komersialisasi melampau yang boleh merosakkan imej asal warisan masyarakat majmuk.

Secara tuntasnya, pelan tindakan yang holistik menerusi gabungan aspek pendidikan, pemanfaatan teknologi media baharu, pemerkasaan institusi adiguru, serta penguatkuasaan undang-undang yang rigid merupakan instrumen perlindungan yang kritikal dalam mempertahankan keaslian budaya lokal. Warisan budaya ialah cerminan maruah dan identiti sesebuah negara. Tindakan membiarkan khazanah ini pupus ditelan arus pemodenan seolah-olah sedang memadamkan sejarah dan garis identiti sendiri. Justeru, langkah-langkah strategik perlu diterjemahkan dalam bentuk secepat mungkin demi memastikan keindahan budaya masyarakat majmuk di Malaysia sentiasa lestari dan relevan merentas generasi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kelestarian warisan budaya dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia bukan sekadar usaha mempertahankan identiti kaum masing-masing, malah merupakan paksi utama kepada keharmonian dan keutuhan nasional. Analisis yang dilakukan menerusi ketiga-tiga objektif kajian ini jelas membuktikan bahawa cabaran yang dihadapi sama ada dari sudut arus pemodenan, jurang generasi, mahupun kekangan institusi memerlukan pendekatan yang dinamik dan holistik. Kegagalan dalam menangani cabaran ini dikhawatirkan bakal melenyapkan identiti budaya tempatan yang sekali gus menggugat kestabilan sosial yang telah lama dibina.

Oleh itu, tanggungjawab memelihara warisan ini tidak seharusnya diletakkan di atas bahu pihak kerajaan semata-mata, sebaliknya menuntut sinergi erat antara sektor swasta, institusi pendidikan, dan komuniti akar umbi. Dari sudut implikasi dasar dan pendidikan, kajian ini mencadangkan agar Dasar Kebudayaan Kebangsaan memberi penekanan konkrit kepada integrasi teknologi digital dan pemerkasaan kurikulum sekolah sebagai strategi utama mendekatkan warisan kepada generasi muda. Manakala daripada aspek penyelidikan, kajian lanjutan disarankan untuk menilai keberkesanan program pemuliharaan warisan secara empirikal menerusi pendekatan kajian lapangan yang melibatkan kepelbagaian etnik secara lebih inklusif. Melalui kesedaran yang tinggi dan pelaksanaan strategi yang mampan, warisan budaya masyarakat majmuk di Malaysia mampu dipertahankan agar kekal relevan, merentas zaman, serta terus menjadi asas jati diri generasi akan datang. Keunikan dalam kepelbagaian inilah yang membentuk acuan masyarakat majmuk Malaysia yang utuh di persada dunia.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Editorial AHJMM, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan sepenuhnya oleh penulis makalah. Penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang dibentangkan dalam kajian ini boleh diperolehi atas permintaan daripada penulis yang berkaitan.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. (2010). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia: Isu Pemeliharaan dan Kelangsungan Jati Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Embong. (2002). *State-led Modernization and the New Middle Class in Malaysia*. Palgrave Macmillan.
- Ahmad, M. A., Rahman, N. A., & Sulaiman, S. (2021). Kelestarian warisan ketara dan tidak ketara di Malaysia: Antara komersialisme dan keaslian tradisi. *Jurnal Perspektif*, 13(2), 45-58
- Alwi Bin Jantan. (1962). *Adat Resam Melayu dan Sistem Nilai Masyarakat Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aniza Abdul Rahman. (2019). Makanan Tradisional sebagai Penanda Identiti dan Medium Integrasi Masyarakat Majmuk di Malaysia. *Jurnal Perspektif*, 11(2), 34-48.
- Fatin Rozaini, A. R. (2019). *Warisan Budaya: Pemangkin Identiti Bangsa*. Jurnal Warisan Malaysia.
- Harrieth Azhar. (2022). Cabaran Kelangsungan Seni Persembahan Warisan dan Permainan Tradisional dalam Era Digital: Isu Kehilangan Adiguru. *Jurnal Melayu*, 21(1), 89-104.
- Haziyah, H., Mohd Alwee, Y., & Mohamad, M. S. (2009). Busana dan pakaian tradisional: Hakisan identiti dan cabaran pemeliharaannya dalam kalangan generasi muda. *Jurnal Pengajian Melayu*, 20, 112-135.
- Ibrahim Chalid. (2008). *Sosiologi Kebudayaan: Teori, Konsep dan Dinamika Hakisan Budaya Masyarakat Kontemporari*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). (2024). *Laporan Indeks Belia Malaysia: Domain Identiti Jati Diri dan Kenegaraan*. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Ismail Ali. (2010). Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan Budaya Tradisional: Cabaran dalam Industri Pelancongan. *Jurnal Borneo Jaya*, 14(2), 45-60.
- Lim, K. C., Tan, S. H., & Ng, W. S. (2021). Cabaran pemeliharaan warisan lisan dan kebudayaan etnik minoriti dalam era pascamoden di Malaysia. *Akademika*, 91(1), 89-102.
- Malaysia. (2006). *Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).
- Mohd Kipli Abdul Rahman. (2014). Pendigitalan Seni Persembahan Tradisional Melayu: Satu Langkah Pendokumentasian dan Pemeliharaan Khazanah Bangsa. *Jurnal Aswara*, 9(1), 55-68.
- Nor Zalina, I., & Sri Yanti, M. (2021). Pendigitalan khazanah budaya: Strategi menarik minat generasi muda terhadap seni persembahan dan adat resam tradisional. *Jurnal Budaya Nusantara*, 8(3), 201-215.
- Robertson, R. (1992). *Globalization: Social theory and global culture*. Sage Publications.
- Samsudin A. Rahim. (2007). Media Global dan Identiti Budaya Belia di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 23, 1-15.
- Shaliza Mohd Shariff, Noraini Ahmad, & Mohd Najib Abdullah. (2015). Evolusi Komersialisasi Fesyen: Pengaruh Elemen Barat Terhadap Estetika dan Keaslian Busana Pengantin Melayu Tradisional. *Jurnal Gendang Alam*, 5, 115-132.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2026). *Laporan kajian implikasi budaya digital dan media sosial terhadap perpaduan nasional*. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).
- Skublewska-Paszkowska, M., Milosz, P., Powroznik, P., & Lukasik, E. (2022). 3D technologies for intangible cultural heritage preservation—literature review. *Heritage Science*, 10(1), 1-24.
- Siti Zainon Ismail. (2009). *Tekstil dan Busana Melayu: Memelihara Falsafah dan Nilai Estetika Warisan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- UNESCO. (2003). *Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*. Paris: UNESCO.

- Yusof, M. R., & Hanafiah, M. G. (2015). Pengaruh media baharu terhadap landskap nilai dan amalan budaya tradisional dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 341-356.
- Zainal Kling. (2006). Kelangsungan Adat Resam dan Tradisi dalam Pembangunan Negara Moden: Isu Pewarisan Ilmu. *Jurnal Peradaban*, 3, 12-29.
- Zuliskandar Ramli. (2012). Kelangsungan Warisan Budaya Melayu di Era Globalisasi dan Teknologi. *Jurnal Melayu*, 9, 112-128.